

# UMS SERTAI PAMERAN PENDIDIKAN & KERJAYA PENYAYANG

Universiti Malaysia Sabah sekali lagi membuktikan komitmennya dalam memberi pendedahan dan pengetahuan kepada golongan pelajar setempat dalam menentukan halatuju pendidikan dan kerjaya apabila menyertai 'Pameran Pendidikan & Kerjaya Penyayang' di Kepala Batas, Pulau Pinang pada 27 - 28 Febuari 2005.

Pameran yang berlangsung selama dua hari ini telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia YAB Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi. Menurut beliau pelajar

perlu membuat kajian mendalam mengenai kerjaya serta dipadankan dengan aspek bakat, minat serta kecenderungan dan kemampuan akademik peribadi agar kerjaya yang bersesuaian dapat dipilih. Beliau juga telah meluangkan masa berkunjung ke gerai pameran Universiti Malaysia Sabah.

Universiti Malaysia Sabah telah menarik hampir 2,000 orang pengunjung berkunjung ke gerai pameran. Mereka terdiri daripada pelajar lepasan sijil dan diploma dari institusi tempatan, lepasan Sijil Tinggi Pelajaran

Malaysia (STPM), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan kaunselor dari pelbagai sekolah.

Di antara pengisian pameran yang telah dilakukan oleh Universiti ini adalah peluang belajar ke Universiti Malaysia Sabah, kursus akademik yang ditawarkan serta khidmat nasihat akademik kepada pengunjung yang berminat melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaysia Sabah.

*Oleh : Marlina Mahdin*